

20/03/2003

Tekanan dari dalam boleh halang niat jahat Bush

Putera Johor

DUNIA menyaksikan penipuan demi penipuan dilakukan oleh Presiden George W

Bush dalam melaksanakan niat buruknya untuk melancarkan serangan terhadap Iraq.

Amerika Syarikat yang sejak dari awal mempunyai niat jahat untuk menghancurkan Presiden Saddam Hussein menggunakan pelbagai helah bagi meraih sokongan pelbagai pihak, termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Selepas gagal menggunakan maklumat dan bukti palsu yang mahu mengaitkan kegiatan al-Qaeda dan Osama Bin Laden dengan Iraq, Bush menggunakan taktik kotor lain untuk menghalalkan perbuatannya.

Bush turut menggunakan alasan kononnya Iraq gagal mematuhi semua ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak tamatnya Perang Teluk, 12 tahun lalu, dalam melaksanakan niat buruknya itu.

Terkini, Amerika mendakwa kononnya tindakannya itu mendapat sokongan lebih 40 negara. Washington kemudian menamakan sebahagian saja negara itu.

Apakah benar negara itu menyokong tindakan Bush atau ia sekadar untuk mengabui mata masyarakat dunia?

Apapun, Bush yang begitu taksud dengan perang terhadap Iraq, tidak akan mendengar lagi suara yang cintakan kedamaian.

Telinga Bush dan sekutunya sudah dipekakkan. Mereka tidak akan mendengar suara hati masyarakat dunia yang mahu peperangan dihentikan.

Bagi Amerika dan sekutunya, dengan melancarkan peperangan saja akan menjadikan dunia ini aman. Dengan perang saja dapat menghapuskan kumpulan atau negara yang mereka labelkan sebagai pengganas. Tetapi mereka lupa kepada sejarah yang melakarkan bahawa peperangan hanya membawa kepada kemusnahan dan kehancuran.

Hakikatnya, siapa sebenarnya pengganas dan perlu dihapuskan. Itulah asas yang paling dilupakan oleh Amerika.

Nyata jika orang yang dikatakan pengganas itu Islam, maka sewajarnya ia diperang habis-habisan. Jika ia bukan Islam, maka biarkan ia terus melakukan keganasan.

Inilah hakikatnya, apabila Amerika membiarkan Israel yang tidak henti-henti menganiaya rakyat Palestin. Inilah sebenarnya pengganas yang perlu diperang habis-habisan.

Namun, bagi Amerika apa yang dilakukan oleh Israel bukan suatu tindakan

pengganas atau keganasan, sebaliknya bagi mempertahankan haknya. Apakah hak Israel terhadap rakyat Palestin.

Apa yang dilihat rakyat Palestin terus ditindas dan Washington bukan saja berdiam diri, malah menyokong Israel. Keadaan berat sebelah ini, secara terbuka memperlihatkan sikap Amerika terhadap orang Islam.

Nampaknya, tiada apa yang boleh dilakukan oleh mana-mana pihak dalam usaha menyekat niat jahat Amerika mahu menyerang Iraq. Jika suara PBB tidak laku, ibarat anjing menyalak bukit, apa lagi suara orang lain.

Namun, kita percaya rakyat Amerika mempunyai `kuasa' untuk menghentikan peperangan itu.

Seperti kata, Perdana Menteri, satu cara yang boleh dilakukan ialah dengan mempengaruhi rakyat Amerika sendiri yang sebahagiannya menolak peperangan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu boleh dilakukan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan menggunakan rangkaian atau rakan mereka di Amerika supaya mendesak kerajaan supaya tidak menyerang Iraq.

Usaha itu, katanya mungkin sesuai kerana ketika Perang Vietnam, Amerika akhirnya terpaksa berundur selepas mendapat tekanan daripada orang ramai, termasuk pandangan NGO.

Apa yang boleh kita lakukan ialah berdoa agar peperangan walaupun semakin hampir, tidak akan berlaku.

Perang ke atas Iraq membawa kesan mendalam kepada seluruh dunia. Dunia pernah mengalaminya, tetapi orang seperti Bush tidak mempedulikannya dan lebih rela melihat ramai yang merana dan menderita di atas perbuatan jahatnya.

PUTERA JOHOR,  
Johor Bahru, Johor.